

**PERALIHAN DARI EKONOMI TRADISIONAL KE EKONOMI
PERUSAHAAN MINYAK 1929-1941:
PENGARUHNYA TERHADAP PERUBAHAN SISTEM
PENDIDIKAN BRUNEI**

ASBOL BIN HAJI MAIL

ABSTRAK

Artikel ini membicarakan tentang sumbangan minyak terhadap perkembangan dan kemajuan ekonomi dan sosial Brunei sekitar tempoh 1929-1941. Jelaslah bahawa kemajuan ekonomi berlaku apabila sumber kewangan kerajaan semakin mantap dengan sumbangan daripada industri minyak yang semakin bertambah sejak minyak ditemui pada tahun 1929. Ianya membolehkan kerajaan berupaya untuk menjelaskan hutang-hutangnya dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Dengan kewangan semakin kukuh maka kerajaan dapat mengembangmajukan bidang pendidikan dengan dipelopori oleh penubuhan sekolah Melayu. Sungguhpun pada awalnya sekolah ini kurang mendapat sambutan dari ibu bapa kerana rata-rata mereka memerlukan tenaga anak-anak mereka dalam mencari nafkah harian, namun menjelang tahun-tahun 1940-an, sikap ini mula berubah. Hal ini boleh dikesan apabila jumlah sekolah Melayu terus meningkat di Brunei. Perkembangan sistem pendidikan ini kemudiannya menjadi aset penting bagi melahirkan tenaga manusia yang berilmu pengetahuan yang buah fikirannya diperlukan dalam pembangunan Brunei.

ABSTRACT

This article examines the contribution of the oil industry to social and economic development in Brunei during the period 1929-1941. Economic progress can be clearly observed, as the government's financial sources were stabilized with the increasing income from the oil industry since the discovery of oil in 1929. This development allowed the government to fulfill its financial obligations to the Federated Malay States. With the increasing financial strength, the government was able to expand its education programme, including the establishment of Malay schools. Although, at the beginning, these schools failed to attract much positive response from parents, as they required their children to support their subsistence economic activities, this perception had begun to change by the early 1940s. This can be seen in the growing number of Malay schools in the country. The development of Brunei's education system has become an important asset towards producing eventually a pool of educated human capital that could potentially provide ideas and skills necessary for nation building.

PENGENALAN

Menjelang akhir abad ke-19 wilayah Kesultanan Brunei yang terhampar dari Tanjung Dato Sarawak ke Pandasan Sabah¹ mula menghadapi cabaran, apabila kuasa Barat yang dipelopori oleh British yang telah menggunakan taktik *gunboat diplomacy*, perjanjian yang berat sebelah, tekanan kewangan dan tipu muslihat telah menguasai sebuah demi sebuah wilayah Brunei. Akhirnya bagi membolehkan Kesultanan Brunei dapat wujud dan bertahan, maka seorang Residen British telah dilantik pada tahun 1906 bagi membantu sultan dalam pentadbiran negara. Dalam hal ini nasihat residen mestilah diikuti oleh sultan kecuali dalam hal agama Islam²

PERKEMBANGAN EKONOMI SEBELUM PENEMUAN MINYAK

Pada peringkat awal pentadbiran Residen, telah dilaporkan bahawa kedudukan kewangan Brunei berada dalam keadaan kurang stabil. Brunei hanya memiliki sumber kewangan

yang berjumlah \$228.173, bagaimanapun dari jumlah tersebut sebanyak \$200.000 adalah wang yang dipinjam dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu di Semenanjung Tanah Melayu.³ Sebelum penemuan minyak, ekonomi Brunei bergantung kepada sumber-sumber alam semulajadi yang diusahakan melalui kegiatan pertanian, perikanan dan pertukangan tangan. Semua kegiatan ini dilakukan secara tradisional. Dalam bidang pertanian, masyarakat Brunei mengusahakan sawah padi, tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, menanam pokok rumbia yang kemudiannya dijadikan sagu dan mengutip getah jelutong. Sementara dalam perikanan, mereka menggunakan pukat, jala, balat untuk menangkap ikan. Setelah kemunculan British, maka mereka telah memperkenalkan ekonomi industri dengan membuka lombong arang batu, kilang ubar (*cutch*) dan kemudian tanaman getah yang dikomersialisasikan sebagai komoditi eksport keluar negeri. Kegiatan ekonomi industri yang dibawa oleh pihak Barat merupakan pemodenan kepada masyarakat Brunei yang sebelum ini lebih bergantung kepada kegiatan ekonomi tradisional yang bersifat sara diri dan keperluan pasaran tempatan. Ianya boleh dianggap perubahan positif ke arah pembangunan ekonomi Brunei, namun begitu dalam masa yang sama ia juga menjadi faktor kepada kehilangan kuasa perdagangan yang sebelum ini didominasi oleh masyarakat Brunei. Ia telah jatuh ke tangan kuasa asing. Masyarakat Brunei hanya mampu menjadi pengguna di tanah air sendiri dan tidak lagi sebagai pengeluar atau pendedar barangan secara besar-besaran.

Perusahaan arang batu merupakan sumber utama ekonomi Brunei pada awal abad ke-20. Hal ini boleh dilihat dari tahun 1906 sehingga 1924 Brunei telah berjaya mengeksport sebanyak 313.396 tan arang batu yang bernilai \$26.888. Bagaimanapun perusahaan ini terpaksa ditutup kerana tidak lagi mampu memberikan pulangan keuntungan kepada pengusahanya, berbanding dengan modal yang dikeluarkan bagi kos peralatan dan tenaga buruh. Kali terakhir perusahaan ini mengeluarkan hasil pada tahun 1924.⁴

Selain perusahaan arang batu, industri ubar juga merupakan salah satu sumber ekonomi negara. Kemunculan industri ini telah memberi peluang pekerjaan baru kepada penduduk Brunei terutama kepada penduduk Kampong Air kerana perusahaan ini dijalankan di bandar Brunei. Penduduk Kampong Air telah ditawarkan untuk menjadi pekerja di industri ini terutama sekali berkhidmat sebagai buruh. Dari tahun 1916 hingga 1924 sejumlah \$2.464.980 ubar telah dieksport ke England dan Amerika. Industri ubar masih beroperasi sehingga tahun 1941, namun begitu sumbangannya kepada pendapatan kerajaan semakin berkurangan. Sebagai contoh pada tahun 1939, industri ini cuma berhasil menyumbang kepada pendapatan Brunei sebanyak \$62.945 dan pada tahun 1941 berjumlah \$97.500. Sedangkan sebelum ini hasil yang dikeluarkan oleh industri ini melebihi \$200.000.⁵

Pada tahun-tahun 1930an perusahaan sagu juga merupakan sumber ekonomi kepada Brunei. Komoditi ini mendapat pasaran yang mengalakkan di Singapura. Bagaimanapun perusahaan ini mengalami kemerosotan akibat dari saingan industri getah. Di antara tahun 1916 sehinggalah tahun 1941, industri getah Brunei turut menyumbang kepada pendapatan negara. Boleh dikatakan sebelum minyak ditemui pada tahun 1929, perusahaan getah telah memainkan peranan dalam meningkatkan sumber ekonomi Brunei. Menjelang tahun 1940, pendapatan dari hasil getah telah mencecah jutaan ringgit, iaitu sebanyak \$1 503 801 dan bertambah kepada \$1 758 824 pada tahun 1941.⁶

PERKEMBANGAN EKONOMI SELEPAS PENEMUAN MINYAK

Penemuan minyak pada tahun 1929 di Seria bukanlah satu kejayaan yang mudah dicapai, justeru sebelum ini usaha mencarigali minyak telah dilakukan beberapa kali namun sering mengalami kegagalan dan tidak mampu membuahkan hasil yang diharapkan. Kemunculan

minyak mula-mula diketahui di Brunei sekitar tahun 1904. Menurut laporan Hewett, seorang Konsul British, minyak telah ditemui pada bekas tapak lombong arang batu milik Rajah Brooke di Buang Tawar. Namun langkah-langkah untuk pengeluarannya tidak dilaksanakan.⁷ Sungguhpun syarikat-syarikat yang diberikan konsesi mencari gali minyak di Brunei seperti Syarikat British Borneo Petroleum Syndicate, Nederlandsche Koloniale Petroleum Maatschappij, Anglo-Saxon Petroleum Company, Shanghai Langkat Company dan Asiatic Petroleum Company masih gagal mendapatkan minyak, tetapi mereka tidak berputus asa malah terus mencari takongan minyak di bawah perut bumi Brunei. Gerakan mencari minyak telah dilakukan sekitar tahun 1908 hingga 1917. Bagaimanapun ia masih gagal untuk menjejaki kawasan yang mengandungi minyak.⁸

Selain di kawasan bandar Brunei, pencarian kawasan takongan minyak juga dilakukan di daerah Tutong. Sejak tahun 1914 hingga 1924 beberapa penggalian telaga minyak telah dilakukan di Bukit Puan dan Labi oleh syarikat minyak terawal beroperasi di Brunei iaitu British Borneo Petroleum Syndicate Limited. Pada tahun 1914 syarikat ini telah menemui kuantiti minyak yang banyak di Labi. Sehingga tahun 1924 salah satu telaga minyaknya telah mengeluarkan hasil sebanyak 238 tan. Bagaimanapun kegiatan syarikat ini telah diambil alih oleh British Malayan Petroleum Company (BMPC) yang baru saja ditubuhkan pada tahun 1923. Sementara itu syarikat-syarikat lain masih tidak berjaya menemui minyak. Oleh itu menjelang tahun 1918 banyak di antara mereka yang golong tikar.⁹

BMPC merupakan syarikat minyak yang masih bertahan dalam meneruskan operasi mencari kawasan takongan minyak di Brunei. Pada 12 Julai 1928, syarikat ini telah melakukan penggalian minyak di kawasan Seria. Lapan bulan kemudian, iaitu pada 5 April 1929 barulah syarikat ini berjaya menemui takongan minyak yang besar di kawasan ini. Sungguhpun begitu minyak hanya mula dieksport dari Brunei pada tahun 1932. Kelambatan ini berlaku ekoran dari ekonomi dunia pada tahun-tahun 1930-an sedang dilanda kemelesetan. Tambahan pula pada masa itu Brunei belum mempunyai prasarana bagi mengeksport minyak seperti pelabuhan, perkapalan dan kilang menapis minyak.¹⁰ Selepas penemuan minyak di Seria, bahan ini telah menjadi sumber yang terpenting kepada pendapatan Brunei di samping sektor ekonomi lain.

Peluang untuk Brunei melepaskan dirinya dari kemiskinan dan kekurangan sumber ekonomi mendapat cahaya baru apabila minyak ditemui. Maknanya ia sudah mendapat jalan-jalan mudah untuk mengembangmajukan sektor ekonominya. Fenomena ini memberikan impak positif kepada perkembangan bidang-bidang lain seperti sosial dan politik, justeru ekonomi adalah penting sebagai daya suntikan kepada pertumbuhan bidang-bidang yang tersebut di atas.

KEWANGAN KERAJAAN

Dari tahun 1931 hingga tahun 1941 pengeluaran minyak Brunei terus meningkat dan dalam tempoh ini ternyata ia sudah menjadi tunggak kepada pendapatan negara. Pencapaian ini telah meletakkan Brunei sebagai pengeluar minyak ketiga terbesar di kalangan negara-negara Commonwealth pada tahun 1938 selepas Trinidad dan Burma.¹¹ Dengan peningkatan pengeluaran minyak ini bererti sumber kewangan kerajaan juga bertambah, senario inilah yang membolehkan Brunei untuk membayar balik semua pinjamannya kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sebelum penemuan minyak sekitar tahun 1920 dan awal pengeluaran minyak pada tahun 1934, Brunei hanya dapat menjelaskan pinjamannya tidak melebihi \$10.000 setiap tahun, tetapi dengan wujudnya kelebihan pendapatan dari sumber minyak, pada tahun 1935 Brunei berhasil membayar baki hutangnya sebanyak \$245.200. Pembayaran balik baki hutang Brunei tersebut berakhir pada tahun 1936 yang berjumlah \$133.000.¹²

Menjelang tahun 1935, keadaan ekonomi Brunei ternyata semakin mantap berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Semua ini berpunca dari rahmat minyak yang telah dikurniakan Allah di muka bumi Brunei, sungguhpun keluasanya semakin kecil. Oleh kerana sumber pendapatan Brunei semakin meningkat, ia tidak lagi memerlukan pinjaman luar negeri.¹³ Hasil daripada industri minyak yang semakin berkembang pesat ini, maka syarikat minyak mampu menambah sumber kewangan kerajaan Brunei dalam bentuk royalti. Hal ini jelas sekitar tahun 1932 sehingga 1941 royalti yang disumbangkan oleh syarikat minyak kepada kerajaan Brunei terus meningkat. Pada tahun 1932 kerajaan memperolehi royalti sebanyak \$67.510 dan menjelang tahun 1941 ia telah bertambah kepada \$548.701.¹⁴

Apabila Jepun menduduki Brunei di sekitar tahun 1942-1945, ia memang meninggalkan kesan negatif kepada perkembangan ekonomi Brunei. Bagaimanapun selepas Jepun menyerah kalah pembangunan ekonomi dan sosial Brunei dapat dijalankan dengan cepat kerana negara ini mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi.¹⁵ Ini menunjukkan betapa sumbangan minyak memainkan peranan yang amat penting bagi Brunei. Andaikata negara ini tiada memiliki industri minyak, maka pembangunan ekonomi dan sosial akibat peperangan dalam era pendudukan Jepun tidak akan dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN

Menerusi rahmat minyak ini, maka ia telah mempengaruhi kepada perubahan sosial Brunei. Hal ini boleh dilihat dalam perkembangan sistem pendidikan. Sejarah pendidikan formal di negara ini telah bermula pada tahun 1914 apabila sebuah sekolah Melayu ditubuhkan di Jalan Pemanca bandar Brunei. Sebelum kemunculan sistem pendidikan seumpama ini, masyarakat Brunei sudah mempunyai pendidikan tradisional yang dikenali sebagai mengaji.¹⁶ Sebelum penemuan minyak, peruntukan untuk perkembangan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan memang sangat sedikit, tetapi dengan adanya pendapatan dari sumber minyak, kerajaan berupaya untuk menambah peruntukan ini sehingga kemajuan bidang pendidikan di negara ini dapat dipertingkatkan secara beransur-ansur. Peruntukan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan yang pada mulanya dalam ratusan ringgit telah meningkat kepada puluhan ribu ringgit pada tahun 1940-an. Contohnya pada tahun-tahun 1940-an kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$30.900 dan pada tahun 1941 sebanyak \$42.562 telah dibelanjakan.¹⁷ Peningkatan perbelanjaan ini merupakan kesan positif daripada kemajuan dan perkembangan perusahaan minyak di Brunei.

Pertambahan peruntukan kerajaan dalam bidang pendidikan menyebabkan kerajaan dapat menubuhkan dan membina bangunan sekolah Melayu di seluruh negara. Daripada empat buah sekolah pada tahun 1920-an, ia telah bertambah kepada 24 buah menjelang tahun 1941. Pertambahan ini ternyata telah dapat memberikan peluang kepada lebih ramai generasi muda Brunei untuk memasuki alam persekolahan. Pada akhir dekad 1930-an dan awal 1940-an, keramaian murid sekolah Melayu telah mencapai ribuan orang yang sebelumnya jumlahnya hanya dalam ratusan orang saja. Peningkatan keramaian murid-murid sekolah Melayu ini juga mencerminkan secara beransur-ansur ibu bapa masyarakat Brunei sudah mula menyedari betapa perlunya anak-anak dihantar ke sekolah bagi mendapatkan ilmu pengetahuan.¹⁸

Di samping pendidikan Melayu, anak-anak Brunei juga memasuki sekolah beraliran Inggeris. Sebelum wujud sekolah Inggeris kerajaan, mereka yang mahukan pendidikan Inggeris perlu memasuki sekolah misi atau melanjutkan pelajaran ke seberang laut.¹⁹ Sejak tahun 1919 kerajaan telah menghantar pelajar Brunei ke Labuan untuk melanjutkan pelajaran dalam aliran Inggeris. Seramai dua orang setahun telah dihantar ke pulau

tersebut. Perkara ini berlarutan sehingga tahun 1941. Selepas Perang Dunia Kedua, penghantaran ke Labuan telah dihentikan kerana sekolah Inggeris di sini telah musnah ketika Jepun menduduki pulau ini. Penghantaran juga dibuat ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, Pusat Latihan Batu Lintang Kucing, Singapura dan Jesselton (Kota Kinabalu).²⁰ Pelajar-pelajar yang menuntut di luar negara ini tidak cuma dibiayai oleh kerajaan, bahkan ada juga hasil usaha orang-orang persendirian.

Sejarah awal kemunculan sekolah misi di Brunei pada dasarnya berkait rapat dengan kedatangan badan-badan dakwah Kristian. Kedatangan mereka mempunyai matlamat untuk menyebarkan ajaran agama Kristian di kalangan masyarakat tempatan. Mubaligh-mubaligh Kristian menggunakan tiga pendekatan iaitu melalui gereja, rumah sakit dan sekolah dalam menyebarkan agama ini.²¹

Berikutan dengan perkembangan pesat industri minyak di Brunei dalam tahun-tahun 1930-an, maka ramailah pekerja luar terutama di kalangan orang-orang British, Belanda dan Cina berhijrah ke negeri ini untuk berkhidmat dengan Syarikat Minyak Shell Brunei. Disebabkan bilangan mereka ini semakin ramai yang datang bersama keluarga mereka, maka mereka memikirkan perlunya ditubuhkan sekolah bagi membolehkan anak-anak mereka belajar secara lebih teratur. Lantaran itu permohonan telah diajukan kepada Residen bagi membuka sebuah sekolah beraliran Inggeris. Pada mulanya permohonan ini ditolak oleh pihak residen, tetapi pada tahun 1931, sebuah badan dakwah Kristian Anglikan telah diberikan kelulusan untuk membuka sebuah sekolah misi di Kuala Belait dengan keramaian pelajarnya 21 orang. Sumber kewangan sekolah ini telah disumbangkan oleh pihak kerajaan dan Syarikat Minyak Shell Brunei.²² Kemunculan sekolah ini sudah jelas ekor dari perkembangan industri minyak di Brunei. Industri ini juga menjadi daya pendorong penghijrahan bangsa asing yang semakin ramai ke Brunei. Mereka kurang bergaul dan terpisah dengan masyarakat tempatan kerana matlamat mereka datang ke negara ini semata-mata mencari sumber kehidupan. Dalam pada itu, satu lagi sistem pendidikan beraliran Inggeris yang baru telah muncul di tengah-tengah masyarakat Brunei, apabila sekolah misi dibentuk.

Pada tahun 1933 sebuah lagi sekolah misi Roman Katolik juga dibuka di Kuala Belait. Ada kemungkinan pembukaan sekolah ini disebabkan sekolah Anglikan sudah tidak dapat menampung pelajar yang semakin ramai. Jelas pada peringkat awal pembukaan sekolah seperti ini tertumpu di daerah Belait. Hal ini berlaku kerana daerah ini, terutama di Seria telah menjadi tumpuan pekerja luar yang sedang berkhidmat dengan Syarikat Minyak Shell Brunei. Hanya pada tahun 1938 badan dakwah Roman Katolik ini membuka sebuah sekolah misi di bandar Brunei. Pembukaan ini bertujuan memberikan kemudahan kepada pelajar-pelajar yang berada di daerah Brunei dan Muara yang mengalami kesukaran untuk pergi ke Kuala Belait. Selain itu ia juga untuk memenuhi permintaan pelajar-pelajar yang ditarik balik dari sekolah Inggeris Labuan.²³

Sungguhpun pendidikan formal yang dirintis oleh sekolah Melayu telah wujud lebih awal, namun pendidikan agama Islam belum mendapat tempat dalam jadual belajar di sekolah tersebut. Sementara itu rancangan hendak mendirikan bangunan sekolah agama yang khas memang belum terlintas dalam pemikiran pemerintah pada masa itu. Perkara ini berlaku kerana pentadbir British pada ketika itu kurang mengambil berat tentang pendidikan agama kerana mereka memikirkan pendidikan seperti ini tidak memberikan sumbangan kepada pembangunan Brunei, tidak seperti sekolah Melayu yang pelajarnya dapat diambil bekerja sebagai pegawai rendah kerajaan dalam melicinklan jentera pentadbiran pada ketika itu.

Sementara itu masyarakat Islam Brunei kelihatannya masih merasa lebih senang mempelajari agama Islam secara tradisional yang dilakukan di rumah-rumah persendirian, balai, surau dan masjid-masjid. Lagipun masyarakat Islam melihat memasukkan pendidikan agama ke dalam sistem persekolahan dianggap kurang penting. Ini disebabkan

majoriti mereka pada mulanya tidak berminat kepada sistem pendidikan tersebut. Tenaga anak-anak mereka diperlukan dalam usaha mencari sumber ekonomi bagi menyara kehidupan keluarga. Sikap yang dilihat oleh kerajaan sebagai negatif kepada pembangunan Brunei ini, telah mendorong kerajaan untuk mengambil tindakan yang tegas dengan mengeluarkan peraturan *The Attendance 1929* yang mewajibkan kanak-kanak yang berumur di antara 7 hingga 14 tahun untuk memasuki alam persekolahan. Manamana ibu bapa yang engkar dengan peraturan ini akan dikenakan denda antara 50 sen hingga \$1.00 bergantung kepada berapa kali kesalahan dilakukan.²⁴

Pendidikan Islam boleh dikatakan menempa era baru pada tahun 1931, apabila ia mula diajarkan sebagai satu mata pelajaran di sekolah Melayu di bandar Brunei. Tindakan ini timbul dari pemikiran tiga orang pembesar Brunei iaitu dua orang Wazir dan seorang Ceteria yang terdiri dari Pengiran Bendahara Abdul Rahman, Pengiran Pemanca Haji Mohd Yassin dan Pengiran Syahbandar Hashim. Pembesar-pembesar ini menyedari bahawa pendidikan agama ini perlu diajarkan di sekolah supaya pengajaran yang lebih teratur dan berkesan dapat diberikan kepada para pelajar.

Pendidikan Islam pada waktu itu diajarkan selepas menunaikan sembahyang fardhu Jumaat. Ia tidak termasuk dalam jadual harian pelajaran sekolah, guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini terdiri dari pegawai-pegawai masjid dan orang-orang yang dianggap mempunyai pengetahuan agama yang baik. Ketiga-tiga pembesar yang tersebut di atas telah bermurah hati untuk membayar elaun kepada guru-guru yang terlibat dalam pelajaran agama ini sebanyak \$5.00 sebulan.²⁵ Ini mencerminkan pendidikan agama pada ketika itu bersifat mata pelajaran tambahan kerana ia tidak dimasukkan dalam jadual harian pelajaran sekolah.

Pada tahun 1936, Penguasa Pelajaran Melayu telah dipegang oleh seorang anak tempatan, Marsal bin Maun. Beliau mempunyai semangat nasionalis yang tinggi kerana ingin melihat anak bangsanya bukan sahaja maju dalam bidang pendidikan akademik tetapi juga dalam pendidikan agama. Islam dan Melayu merupakan dua elemen yang menggambarkan sebagai identiti dan jati diri Melayu Brunei. Dua unsur penting ini hanya dapat dipelihara dan dikembangkan menerusi pendidikan. Dengan kuasa yang diamanahkan kepada Marsal, maka langkah untuk memperbaiki kedudukan pendidikan agama di sekolah Melayu di bandar Brunei telah dibuat. Beliau telah merancang untuk memasukkan pendidikan agama ke dalam jadual belajar harian, maka pelajaran agama tidak lagi diajarkan pada sebelah petang Jumaat. Pelajaran ini juga diajarkan dua kali seminggu, tidak lagi seminggu sekali seperti sebelumnya ini di sebelah petang.²⁶

Kalau memasukkan mata pelajaran agama ke sekolah Melayu telah dilakukan oleh tiga orang pembesar Brunei pada tahun 1931, tetapi sepuluh tahun kemudian, iaitu pada tahun 1941, Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950) pula mengambil langkah menubuhkan sebuah sekolah agama beraliran Arab. Sehingga saat ini kerajaan memang tidak mempunyai peruntukan kewangan bagi membiayai perkembangan pendidikan agama, oleh yang demikian dalam menubuhkan sekolah agama beraliran Arab ini, sultan telah mengeluarkan perbelanjaan baginda sendiri. Oleh itu sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah swasta, tetapi berdaftar dengan Jabatan Pelajaran Brunei. Tenaga pengajarnya seorang bangsa Arab, Syeikh Abd Aziz Al-Shimi. Sekolah ini mempunyai keramaian pelajarnya sebanyak 60 orang termasuk lima orang pelajar perempuan.²⁷ Sungguhpun begitu sekolah Arab ini tidak dapat bertahan lama kerana Perang Dunia Kedua telah tercetus, Brunei telah menjadi sasaran serangan Jepun.

Dari pembicaraan di atas jelaslah rahmat dari kemunculan industri minyak kurang memberikan kesan kepada perkembangan pendidikan agama. Kerajaan hanya setakat menyediakan tempat dan belum menyediakan peruntukan khas kepada pendidikan agama, tidak seperti yang berlaku kepada sekolah Melayu. Sedang kegiatan pendidikan agama masih dibiayai oleh orang-orang persendirian termasuklah sultan.

Begitu juga sekolah Cina yang mula ditubuhkan pada tahun 1916 yang bertempat di sebuah rumah kedai di bandar Brunei. Dalam tempoh ini boleh dikatakan bahawa sekolah ini tidak mendapat kesan positif dari industri minyak Brunei kerana ia dibiayai sepenuhnya oleh masyarakat Cina.²⁸

Perkembangan pendidikan ekoran dari pengaruh industri minyak, maka munculah dua jenis pendidikan dalam masyarakat Brunei iaitu pendidikan agama dan pendidikan akademik. Pendidikan agama bagi membentuk generasi muda supaya tahu dan patuh ajaran Islam agar mereka menjadi umat yang berakhlak mulia. Pendidikan ini juga mengajarkan tentang adanya balasan baik dan buruk selepas mati tergantung kepada perbuatan seseorang itu semasa hidup di dunia. Sementara pendidikan akademik yang diajarkan di sekolah-sekolah Melayu, Cina dan Inggeris bagi membolehkan generasi muda memperoleh ilmu pengetahuan dan membentuk peribadi mulia. Ilmu yang diperolehi adalah penting untuk memperoleh kesejahteraan dalam meniti kehidupan harian.

Ekoran dari kemunculan dua sistem pendidikan ini maka lahirlah tiga golongan masyarakat Brunei, pertama golongan berpengetahuan agama, kedua golongan mahir dalam bidang akademik yang memperoleh ilmu menerusi pendidikan formal dan ketiga golongan kurang pengetahuan agama dan buta huruf. Golongan ketiga ini muncul kerana mereka tidak berkesempatan untuk menghadiri kedua-dua sistem pendidikan di atas. Mereka menjalani kehidupan berdasarkan pengalaman yang ditempuhi setiap hari.

Sementara itu golongan kedua merupakan golongan baru dalam masyarakat Brunei, terutama di kalangan masyarakat Melayu dan kaum bumiputera yang lain. Bagi masyarakat Melayu ada di antara mereka ini yang menjadi guru dan pegawai kerajaan. Golongan guru kemudiannya memainkan peranan sebagai kumpulan elit dan bijak pandai yang berpengaruh di kalangan masyarakat Brunei. Mereka inilah yang menjadi pemangkin kesedaran masyarakat Brunei supaya menghantar anak-anak ke sekolah. Anak-anak yang mempunyai persekolahan yang tinggi penting bukan sahaja untuk menjamin masa depannya bahkan penting kepada pembangunan masyarakat dan negara ketika itu. Golongan guru ini memang mempunyai kesedaran untuk sama-sama membangun negara setelah mereka didedahkan dengan suasana kehidupan di luar negeri semasa mereka menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim mahupun di Pusat Latihan Batu Lintang Kucing.

Sementara itu golongan wanita dalam tempoh ini masih ketinggalan baik dalam pendidikan Islam²⁹ mahupun pendidikan akademik, justeru masyarakat Brunei lebih suka mengahwinkan anak-anak perempuan mereka dalam usia yang masih remaja, falsafah menjaga kerbau sekandang lebih mudah dari menjaga anak perempuan seorang masih melekat dalam pemikiran masyarakat Brunei ketika itu. Wanita remaja juga penting dalam membantu kerja-kerja rumah tangga dalam keluarga masing-masing.

RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan-perbincangan di atas, maka jelaslah bahawa sumbangan minyak terhadap perkembangan dan kemajuan ekonomi dan sosial Brunei tidak dapat dinafikan. Tanpa ada industri minyak maka pembangunan Brunei akan berkeadaan lembab dan kurang berkembang. Dari hasil minyak pelbagai kemajuan dapat dibuat seperti mana yang berlaku ke atas sistem pendidikan. Perkembangan sistem pendidikan ini kemudiannya menjadi aset penting untuk melahirkan tenaga manusia yang berilmu pengetahuan yang tenaga dan buah fikiran mereka diperlukan oleh Brunei.

Selain dari sistem pendidikan, bidang-bidang lain juga sebenarnya mendapat tempas positif dari perkembangan industri minyak di Brunei. Bidang lain dalam tempoh kajian ini juga mengalami perkembangan seperti perkhidmatan kesihatan, apabila banyak pusat-

pusat kesihatan dibina dan pemberian perkhidmatan asas kepada penduduk tempatan. Manakala dari segi sistem perhubungan darat, pembinaan jalan-jalan raya banyak dilakukan bagi memudahkan perhubungan antara satu tempat dengan tempat yang lain. Proses urbanisasi juga turut berkembang pesat terutama di daerah Belait dan Brunei Muara. Kemunculan industri minyak juga telah membuka lagi peluang pekerjaan yang baru kepada masyarakat tempatan.

Di samping kesan-kesan positif yang diperolehi dari hasil industri minyak, terdapat juga kesan-kesan yang negatifnya. Dengan adanya industri minyak, Brunei terlalu bergantung dengan pendapatan minyak. Kemunculan industri ini secara perlahan-lahan telah menenggelamkan kegiatan-kegiatan ekonomi lain seperti pertanian, perikanan, industri getah, arang batu, ubar dan getah jelutong. Sebelum penemuan minyak, sumber-sumber ini merupakan sumber yang terpenting bagi pendapatan Brunei tetapi telah diabaikan sejak minyak ditemui. Sebenarnya aktiviti ekonomi lain terutama dalam sektor pertanian dan perikanan sepatutnya terus dipergiatkan sebagai satu cara mempelbagaikan ekonomi negara dalam jangka panjang. Hal ini perlu dilakukan kerana minyak merupakan hasil alam semulajadi yang pada satu hari nanti akan menghadapi kepupusan. Jika perkara ini berlaku maka pendapatan negara masih boleh dipertahankan dengan adanya hasil pertanian, perikanan atau mungkin kegiatan ekonomi lain yang telah dirancang dengan lebih awal.

NOTA-NOTA

- ¹ William George Maxwell & William Summer Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo* (Suffolk: Jas Truscott & Son Ltd, 1924), hlm. 149-150.
- ² *Brunei Annual Report 1907*, hlm. 10.
- ³ Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 18-19.
- ⁴ Lihat lampiran A. pendapatan Brunei yang diperolehi dari industri getah, arang batu dan ubar 1916-1941. Ibid., hlm. 21.
- ⁵ Lihat lampiran A.
- ⁶ Lihat lampiran A.
- ⁷ Kawasan Buang Tawar terletak di pulau Berambang herseberangan dengan Kampong Petagian Jalan Kota Batu. Lihat M. S. H. McArthur, *Report on Brunei in 1904 by M. S. H. McArthur*, introduced and annotated by A. V. M. Horton, Monographs in International Studies, Southeast Asia Series, No. 74 (Athens: Ohio University: 1987), hlm. 148.
- ⁸ *Menjangkau Enam Puluh Tahun 1929-1989* (Belait: Jabatan Hal Ehwal Awam Shell, 1989), hlm. 4.
- ⁹ Ibid; A. V. M. Horton, *British Administration in Brunei 1906-1959*, Modern Asian Studies 20.2 (1986), hlm. 366.
- ¹⁰ A. V. M. Horton, "Brunei C. 50 Years Ago (1939). The Late 1930s in the Abode of Peace", *Sarawak Gazette*, Vol. CXVII, No. 1512, July 1990, hlm. 17; Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*, hlm. 35.
- ¹¹ Lihat lampiran B eksport minyak mentah Brunei 1931-1941. A. V. M. Horton, *British Administration in Brunei 1906-1959*, hlm. 366.
- ¹² Lihat lampiran C pendapatan, perbelanjaan dan jumlah pinjaman Brunei 1907-1941.
- ¹³ Menjelang akhir tahun 1950-an Brunei pula memberikan pinjaman kepada negara jirannya yang dulunya memberikan pinjaman kepadanya. Brunei telah memberikan pinjaman kewangan sebanyak \$100 juta kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1958 dan sekali lagi dalam jumlah yang sama pada tahun 1959. Lihat Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*, hlm. 37.
- ¹⁴ Sila lihat lampiran D royalti daripada syarikat minyak kepada kerajaan Brunei 1932-1941.
- ¹⁵ Sahibah Osman, Muhammad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 108-109.
- ¹⁶ Matassim bin Haji Jibah, "Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei dalam Pentadbiran Sistem Residen (1906-1959)", *Dokumentasi* (Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, 2004), hlm. 92.
- ¹⁷ Lihat lampiran E Peruntukan kerajaan Brunei ke atas bidang pendidikan 1915-1941.
- ¹⁸ Lihat lampiran F dan G bilangan sekolah Melayu dan keramaian muridnya.
- ¹⁹ Sekolah Inggeris kerajaan telah ditubuhkan di Bandar Brunei pada bulan Oktober 1951. Sekolah ini dikenali sebagai Sultan Omar Ali Saifuddin College. Lihat Haji Awg Asbol bin Haji Mail, "Sejarah

Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950-1985," Tesis Sarjana Jabatan Sejarah (Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaysia, 1995/1996), hlm. 136.

²⁰ *Brunei Annual Report 1919*, hlm. 5; A. V. M. Horton, "The Development of Brunei during the British Residential Era 1906 - 1959: A Sultanate Regenerated", Ph. D. thesis (University of Hull, 1985), hlm. 417; Hisham bin Haji Md Sum, "Educational Dependency: A Case Study on Brunei Darussalam", Ph. D. thesis (University of Reading, 1993), hlm. 169-170.

²¹ Sahibah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841 - 1941* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hlm. 79.

²² H. J. Padmore, *Brunei Education Department Triennial Report for 1954-1957* (Bandar Brunei: Education Department), t. th. hlm. 13; A. V. M. Horton, "The British Residency in Brunei, 1906 - 1959", Occasional Paper No. 6 (Centre for South East Asian Studies, University of Hull, 1984), hlm. 8; *Brunei Annual Report 1931*, hlm. 18.

²³ *Laporan Tiga Tahun 1964 - 1966*, (Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran Brunei, 1967), hlm. 4.

²⁴ *Brunei Annual Report 1929*, hlm. 20.

²⁵ *Risalah Pameran Sejarah Perkembangan Islam di Brunei* (Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-Muzium, 1979), t. hlm.

²⁶ Haji Awg Asbol bin Haji Mail, "Sejarah Sosial Brunei Darussalam PraMerdeka: Tranformasi Pendidikan Agama dari rumah ke Sistem Persekolahan," *Borneo - Kalimantan 2005: Tranformasi Sosial masyarakat Pesisir Borneo-Kalimantan* (Kota Samarahan: Institut Pengajian Asia Timur Universiti Malaysia Sarawak, 2005), hlm. 445-446.

²⁷ Abdul Aziz bin Juned, *Buku Kenangan Berpuspa* (Bandar Brunei: Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei, 1968), hlm. 45. Gelaran penuh beliau ialah Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Awang Juned. Sekarang memegang jawatan Mufti Kerajaan Brunei.

²⁸ *Brunei Annual Report 1916*, hlm. 5.

²⁹ Yahya bin Haji Ibrahim, *Sejarah dan Peranan Institusi-institusi Melayu Islam Beraja* (Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Agama Brunei, 2000), hlm. 30-31. Gelaran penuh beliau ialah Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama Brunei.

RUJUKAN

- Asbol bin Haji Mail (1995/1996). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950-1985*. Tesis Sarjana Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaysia.
- Asbol bin Haji Mail (2005). *Sejarah Sosial Brunei Darussalam Pra-Merdeka: Tranformasi Pendidikan Agama dari rumah ke Sistem Persekolahan. Borneo - Kalimantan 2005: Tranformasi Sosial masyarakat Pesisir Borneo-Kalimantan*. Kota Samarahan: Institut Pengajian Asia Timur Universiti Malaysia Sarawak.
- Abdul Aziz bin Juned (1968). *Buku Kenangan Berpuspa*. Bandar Brunei: Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei.
- Brunei Annual Report 1907-1941*.
- Hisham bin Haji Md Sum (1993). *Educational Dependency: A Case Study on Brunei Darussalam*. Ph. D. thesis, University of Reading.
- Horton, A. V. M (1984). *The British Residency in Brunei, 1906-1959*. Occasional Paper No. 6 Centre for South East Asian Studies, University of Hull.
- Horton, A. V. M (1985). *The Development of Brunei During the British Residential Era 1906 - 1959: A Sultanate Regenerated..* Ph. D. thesis, University of Hull.
- Horton, A. V. M. (1986). *British Administration in Brunei 1906-1959*. Modern Asian Studies 20(2), University of Hull.
- Horton, A. V. M. (1990). *Brunei C. 50 Years Ago (1939). The Late 1930s in the Abode of Peace. Sarawak Gazette*, Vol. CXVII (1512): 10-17.
- Laporan Tiga Tahun 1964-1966*, (1967). Bandar Brunei: Jabatan Pelajaran Brunei.
- Matassim bin Haji Jibah (2004). *Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei dalam Pentadbiran Sistem Residen (1906-1959)*. Dalam *Jabatan Pusat Sejarah* (ed.), *Dokumentasi*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.

Maxwell, W.G. & William, W. S. (1924). *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. Suffolk: Jas Truscott and Son.

McArthur, M. S. H. (1987). *Report on Brunei in 1904 by M. S. H. Mc Arthur*. Introduced and annotated by A. V. M. Horton. Monographs in International Studies, Southeast Asia Series, No. 74.

Menjangkau Enam puluh Tahun 1929-1989 (1989). Kuala Belait: Jabatan Hal Ehwal Awam.

Padmore, H. J. (t. th.). *Brunei Education Department Triennial Report for 1954-1957*. Bandar Brunei: Education Department.

Risalah Pameran Sejarah Perkembangan Islam di Brunei (1979). Brunei: Jabatan Muzium-Muzium.

Rose binti Karim (1986/87). *Petroleum di Brunei Darussalam: Sumbangan ke atas Ekonomi Brunei*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sabihah Osman (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip (1995). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sidhu, J. S. (1995). *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yahya bin Haji Ibrahim (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi-institusi Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Agama Brunei.

LAMPIRAN A

Pendapatan Brunei yang diperolehidari industri getah, arang batu dan ubar 1916-1941 dalam nilai ringgit selat

Tahun	Getah	Arangbatu	Ubar	Tahun	Getah	Arangbatu	Ubar
1916	142,711	206,077	285,400	1932	104,899	--	195,465
1917	248,919	295,800	330,700	1933	236,249	--	123,757
1918	174,868	413,910	361,501	1934	671,970	--	162,861
1919	243,596	296,021	304,249	1935	576,159	--	177,910
1920	214,733	296,000	355,300	1936	796,703	--	178,734
1921	82,217	275,570	240,740	1937	1,240,995	--	212,839
1922	91,104	104,160	172,600	1938	623,565	--	152,366
1923	363,200	102,820	238,000	1939	925,700	--	62,945
1924	387,793	98,202 *	176,490	1940	1,503,801	--	112,129
1931	161,204	--	194,457	1941	1,758,824	--	97,500

*Ditutup pada tahun ini

Sumber: *Brunei Annual Report 1916-1941*; Jatswan S.Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995,

LAMPIRAN B

Eksport minyak mentah Brunei 1931-1941 dalam nilai ringgit selat

Tahun	Jumlah	Tahun	Jumlah
1931	26,864	1937	3,873,959
1932	1,094,663	1938	5,512,549
1933	1,760,861	1939	6,566,587
1934	2,371,669	1940	7,514,893
1935	2,785,073	1941	4,388,182
1936	2,975,103		

Sumber: *Brunei Annual Report 1931-1941*

LAMPIRAN C

Pendapatan, perbelanjaan dan jumlah pinjaman Brunei 1906-1941 dalam nilai ringgit selat

Tahun	Pendapatan	Perbelanjaan	Jumlah Pinjaman	Bayaran Pinjaman
1906	28,173	5,1423	--	--
1907	51,777	93,334	200,000	--
1908	43,539	75,738	200,000	--
1909	45,562	76,948	300,000	--
1910	77,051	73,513	300,000	--
1911	109,430	79,318	400,000	--
1912	140,847	122,762	400,000	--
1913	165,082	138,665	433,000	--
1914	126,647	163,352	439,750	--
1915	118,972	114,518	439,750	--
1916	127,615	113,317	439,750	--
1917	126,301	106,911	439,750	--
1918	125,726	122,958	439,750	--
1919	162,020	138,844	439,750	--
1920	201,250	223,690	430,000	9,750
1921	161,520	197,469	427,317	2,683

1922	204, 504	188, 250	444, 500	2,817
1923	228, 272	189, 208	440, 000	4,500
1924	268, 024	247, 614	435, 500	4,500
1925	345, 573	245, 286	430, 00	5,500
1926	396, 834	303, 394	424, 500	5,500
1927	402, 870	426, 981	419, 000	5,500
1928	393, 875	350, 005	413, 000	6,000
1929	345, 290	344, 092	407, 000	6,000
1930	333, 069	373, 604	401, 000	6,000
1931	342, 011	322, 791	395, 000	6,000
1932	362, 403	334, 328	389, 000	6,000
1933	580, 750	514, 812	383, 000	6,000
1934	645, 021	545, 021	378, 200	4,800
1935	813, 532	786, 201	133, 000	245, 200
1936	928, 689	779, 521	--	133, 000
1937	1, 049, 293	653, 149	--	--
1938	1, 179, 979	1, 476, 725	--	--
1939	1. 274, 644	1, 181, 325	--	--
1940	1, 556, 354	1, 462, 174	--	--
1941	1, 325, 912	1, 137, 219	--	--

Sumber: A.V.M. Horton, "The British Residency in Brunei, 1906 – 1959", Occasional Papers No.6, University of Hull, Centre for South East Asian Studies, 1984.

LAMPIRAN D

Royalti daripada syarikat minyak kepada kerajaan Brunei 1932-1941

Tahun	Jumlah Royalti	Tahun	Jumlah Royalti
1932	67, 510	1937	482, 567
1933	235, 755	1938	592, 350
1934	286, 929	1939	710, 059
1935	383, 112	1940	792, 537
1936	499, 172	1941	548, 701

Sumber: Rose binti Karim, "Petroleum di Brunei Darussalam: Sumbangan ke atas Ekonomi Brunei," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986/87.

LAMPIRAN E

Peruntukan kerajaan Brunei ke atas bidang pendidikan 1915-1941

Tahun	Jumlah \$	Tahun	Jumlah \$	Tahun	Jumlah \$
1915	405	1924	2,456	1933	14, 742
1916	379	1925	2,770	1934	12, 452
1917	548	1926	3,268	1935	11, 859
1918	713	1927	3,214	1936	1,444,4 85
1919	850	1928	3,425	1937	1,714,9 58
1920	1,380	1929	7,310	1938	--
1921	1,673	1930	7,289	1939	30, 390
1922	2,389	1931	9,603	1940	30, 390
1923	2,466	1932	9,118	1941	42, 562

Sumber: Brunei Annual Report 1915-1941

LAMPIRAN F

Bilangan sekolah-sekolah melayu Brunei 1923-1941

Tahun	Bilangan	Tahun	Bilangan	Tahun	Bilangan
1923	4	1933	15	1939	22
1924	4	1935	15	1940	23
1925	5	1936	18	1941	24
1932	13	1938	21		

Sumber: *Brunei Annual Report 1923-1941*

LAMPIRAN G

Keramaian murid sekolah melayu 1914-1941

Tahun	Keramaian	Tahun	Keramaian	Tahun	Keramaian
1914	30	1925	169	1934	866
1915	40	1926	190	1935	849
1916	100	1927	183	1936	946
1917	70	1928	198	1937	1,175
1920	42	1929	672	1938	1,810
1921	177	1930	688	1939	1,908
1922	193	1931	598	1940	1,776
1923	175	1932	794	1941	1,746
1924	--	1933	897		

Sumber: *Brunei Annual Report 1914-1941*